

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 OGOS 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysia komited kerjasama IoT ASEAN	Utusan Malaysia
2	Malaysia Committed to ASEAN IoT cooperation	Bernama.com
3	MOSTI establishes BITX Lab to flourish domestic technological innovation	Bernama.com
4	Internet of things takes centre stage at Malaysia IoT week	New Straits Times Online
5	Utusan komited bangunkan bidang sains	Utusan Malaysia
6	Tubuh pusat amaran tsunami di ASEAN	Utusan Malaysia
7	MetMalaysia bangunkan aplikasi peta gegaran gempa bumi	Kosmo
8	Shakemap dijangka beroperasi akhir tahun ini	Utusan Malaysia
9	Jerebu di Sarawak dijangka pulih akhir September ini	Kosmo
10	Jerebu di Sarawak dijangka pulih akhir September – KP MetMalaysia	Bernama.com
11	Titik panas meningkat	Harian Metro
12	KL to discuss haze with Jakarta	The Star
13	Ministry to crack down on open burning	The Malay Mail
14	A potent mix for modern science	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 12
TARIKH : 26 OGOS 2015 (RABU)

Malaysia komited kerjasama IoT ASEAN

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Malaysia komited untuk terlibat aktif menyumbang kepada Komuniti Internet of Things (IoT) ASEAN bagi membolehkan negara-negara di rantau ini menerima manfaat daripada teknologi tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, dengan IoT, lebih banyak kerjasama serantau dapat diwujudkan termasuk dalam aspek piawarian serta keharmonian serantau.

"Penggunaan IoT menandakan kita telah masuk ke era baharu yang mampu menambah baik landskap sosioekonomi kita kerana cirinya yang berkeupayaan tinggi, aplikasi yang pelbagai serta berpotensi mentransformasikan ekonomi global untuk 10 tahun akan datang.

"Kewujudan teknologi ini merupakan petanda baik kepada inisiatif transformasi seperti Digital Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP)," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Forum Inovasi IoT ASEAN

dan Kerjasama Rangkaian Inovasi Terbuka (COIN), di sini hari ini.

Industri IoT dijangka menyumbang RM9.5 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) menjelang tahun 2020 dan RM42.5 bilion menjelang 2025 serta dapat menyediakan kira-kira 14,000 peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi.

Antara agensi yang terlibat di dalam COIN adalah MIMOS Berhad, SIRIM Berhad (SIRIM), SME Corporation Malaysia (SME Corp), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Cyber Security Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Tambahnya, forum yang dilancarkan itu juga merupakan langkah sulung memacu kerjasama antara negara-negara ASEAN yang diharapkan dapat berkongsi maklumat serta menaik taraf teknologi sedia ada.

"Gabungan agensi yang membentuk COIN ini sebenarnya sebahagian daripada rancangan Strategi Lautan Biru Kebangsaan



Penggunaan IoT menandakan kita telah masuk ke era baharu yang mampu menambah baik landskap sosioekonomi kita kerana cirinya yang berkeupayaan tinggi, aplikasi yang pelbagai serta berpotensi mentransformasikan ekonomi global untuk 10 tahun akan datang."

MADIUS TANGAU
Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi

(NBOS) dan kerana itu saya yakin ia akan dapat memainkan peranan membantu ekonomi kita agar lebih produktif," katanya.



Malaysia Committed To ASEAN IoT Cooperation

KUALA LUMPUR, Aug 25 (Bernama) -- Malaysia is committed to be an active contributing member of the ASEAN Internet of Things (IoT) community, **said Minister of Science, Technology and Innovation, Datuk Wildred Madius Tangau.**

He said the IoT will lead to higher awareness of ASEAN's surroundings and bring more cooperation, standardisation and harmonisation.

"All opportunities, including high-income jobs created by the IoT, should benefit all ASEAN member countries," he said.

Madius said this in a statement in conjunction with the launch of ASEAN IoT Innovation Forum by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) here today.

IoT is expected to boost the information and communications technology sector in Malaysia by over four-fold by 2025.

Madius also launched the Collaborative Open Innovation Network (COIN), a multi-party network of government bodies, industry players and higher learning institutions, set up by MOSTI to build on the strengths of existing organisations.

"COIN involves 12 government agencies including the Prime Minister's Department, Communications and Multimedia Ministry, International Trade and Industry Ministry, Finance Ministry and MOSTI to realise IoT in Malaysia.

"IoT is identified as one of the key technology areas under the 11th Malaysia Plan to enhance the productivity of key sectors such as agriculture, logistics, healthcare, environment, halal industry and advanced manufacturing," Madius said.

"MOSTI will set up a steering committee with MIMOS as the implementation secretariat to ensure an effective execution of the National IoT Strategic Roadmap.

"An implementation plan is being developed to chart out key action plans and focus areas to kick-start the proliferation of IoT as a key industry," he said.

-- BERNAMA



Mosti Establishes BITX Lab to Flourish Domestic Technological Innovation

KUALA LUMPUR, Aug 24 (Bernama) -- Malaysia establishes an innovation laboratory called Big Data IoT (Internet Of Things) Technology Accelerator (BITX) Lab in facilitating technology and innovation development as an effort to make the internet as the source of the nation's economic growth.

Established by the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)**, the lab will be located at **MIMOS Berhad (MIMOS)** Technology Park Malaysia as a focal point for IoT Malaysia's first ecosystem.

Science, Technology and Innovations Minister Datuk Madius Tangau said the lab should serve as a technology reference centre and facilitate open innovation activities among industries, academia and government research institutions.

"The lab will also enable the industry to showcase their IoT ideas, prototypes and proofs of concept," he said during the launching of the three-day MYIoT Week 2015 and the BITX lab here, today.

Implementation of the IoT is expected to contribute RM9.5 billion to Malaysia's gross national income (GNI) by 2020, and RM42.5 billion by 2025 and also expected to create more than 14,000 new high-skilled jobs.

Meanwhile, **MIMOS chief executive officer Datuk Abdul Wahab Abdullah** said the newly-launched laboratory would encourage the industry to work together in one central point to facilitate the ideas and development of innovation solutions exchange.

Abdul Wahab said the Intellectual Properties generated by MIMOS were meant to be shared with the industry and MIMOS would provide patented technologies and technological assistance through the facilities.

"In enhancing the country's comparative advantage and further accelerate innovation activities of the local Research and Development communities, the industry should exploit our research outputs to gain competitive edge in the global arena," he said.

MyIoT Week 2015 starts today with an IoT Scientific Symposium and an IoT Industry Roundtable, meanwhile a two-day ASEAN IoT Innovation Forum will be held at Hotel Istana Kuala Lumpur, tomorrow and Wednesday.

MIMOS is Malaysia's national research and development centre in ICT under the purview of MOSTI.

-- BERNAMA

NEW STRAITS TIMES ONLINE

Internet of Things takes centrestage at Malaysia IoT Week

Cited as the one of the key technology areas that will facilitate the nation's growth in agriculture, logistics, healthcare and advanced manufacturing, Internet of Things (IoT) takes centrestage at Malaysia IoT Week.

Held at MIMOS Berhad, the opening ceremony was graced by the presence of Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau.

"Implemented strategically, IoT is expected to contribute RM9.5 billion to Malaysia's GNI by 2020 and generate income of RM42.5 billion by 2025.

"IoT is expected to create more than 14,000 new high skilled jobs and more than 200 SME companies are expected to benefit from IoT by 2020," says Madius.

Also present at the opening ceremony were Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) deputy secretary-general (Policy), Dato' Dr Mohd Azhar Hj Yahaya, Mosti deputy secretary-general (Science) Dr Zulkifli Mohamed Hashim and MIMOS Bhd chief executive officer Datuk Abdul Wahab Abdullah.

In conjunction with IoT Week, Madius also launched the Big Data IoT Technology Accelerator (BITX) Lab, which has been designed to deliver end-to-end services for developing IoT applications and services.

"The lab should serve as a technology reference centre and facilitate open innovation activities among industries, academia and government research institutions," said Abdul Wahab.

He further elaborates that the BITX Lab is equipped for developing and testing products and services within the area of IoT in order to enable new innovations go to the market faster.

The BITX facility offers three labs focusing on smart devices, application and infrastructure. Abdul Wahab reveals that the application lab has already found a platinum partner, Microsoft while the infrastructure lab's platinum partner is Huawei.

Themed 'Building Industry Ecosystem', the opening day of IoT Week puts forth the Scientific Symposium and Industry Roundtable, the latter a specific session for syndicating the National IoT Plan.

Another highlight event for the week is a two-day ASEAN IoT innovation Forum, which will take place at Istana Hotel in Kuala Lumpur on 25 and 26 August, 2015. More information on IoT Week is available at www.iotweek.my.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 10
TARIKH : 26 OGOS 2015 (RABU)

Utusan komited bangunkan bidang sains



KETIKA kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melancarkan Dasar Bioteknologi (NBD) pada 2005, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) diumumkan penubuhannya yang berperanan sebagai penggerak dasar tersebut dan memacu industri bioteknologi seperti yang tersurat dan tersirat dalam dasar tersebut.

Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi mahu menjadikan bioteknologi sebagai industri baharu yang menjana kekayaan, satu cabaran besar bagaimana merealisasikannya dalam tempoh 15 tahun.

Menteri yang menerajui Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ketika itu ialah Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis dan beliau menyedari akan realiti cabaran yang perlu dihadapi.

Cabaran besar ketika itu adalah memberi kefahaman kepada rakyat apakah bioteknologi kerana ia masih agak asing bukan kerana baharu iperkenalkan, sebaliknya istilah sebutannya yang jarang didengari.

Hakikatnya, bioteknologi bukan baharu diterokai tetapi tidak ramai menyedarinya. Malah, Dr. Jamaluddin menyebut, pembuatan tapai dan tempe di rumah itulah contoh mudah bagi bioteknologi, begitu juga pembuatan cuka atau apa juga yang diperam.

Iltizam kerajaan itulah yang mendorong *Utusan Malaysia* memberi fokus dalam bidang sains termasuk bioteknologi. Ia juga sebagai menyambut seruan menjadikan bioteknologi dalam penjana kekayaan dan memberi kefahaman kepada rakyat terutama di kawasan pedalaman bidang tersebut bukan sesuatu baharu.

Lanjutan daripada itu, Utusan telah mengambil langkah proaktif dengan membuat liputan berkaitan bioteknologi daripada yang semudahnya mudahnya kepada bioteknologi bernilai tinggi sehingga ke



hari ini.

Perlu diingat tiga tumpuan dasar mempunyai sembilan teras dan tumpuannya sebut ialah bioteknologi pertanian, bioteknologi industri dan farmaseutikal dan nutrasetikal.

Kesemua bidang tersebut telah menjadi sebutan kerana ramai usahawan Bumiputera mula berjinjak dengan industri kecil dan sederhana (IKS) khususnya dalam nutrasetikal (pemakanan) dan farmaseutikal (ubatan).

Hari ini, seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal menyatakan 261 syarikat BioNexus sebagai bukti pengiktirafan kepada kejayaan selepas 10 tahun penubuhannya.

Tidak dapat tidak, akhbar ini boleh dianggap peneraju dalam memperjuangkan usahawan-usahawan Bumiputera yang terlibat dengan bidang bioteknologi selain institusi penyelidikan milik kerajaan.

Meskipun perjuangan akhbar ini sering dianggap lebih kepada politik tetapi, sebagai sebuah wadah perjuangan Bumiputera, Utusan tidak pernah ketinggalan untuk meletakkan agenda membela nasib orang Melayu di hadapan.

Sebab itu, Utusan telah menuhkan Meja Sains dan Teknologi



MENTERI Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau (tengah) sambil diperhatikan timbalannya Datuk Abu Bakar Mohamad Diah (kiri) menyampaikan trofi dan sijil kepada Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor untuk Anugerah Kecemerlangan Industri Bio Kategori Media Cetak pada Majlis Penghargaan Bio 2015 di PWTC, Kuala Lumpur, pada 18 Ogos lalu. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

sejak 12 tahun lepas yang fungsinya membantu menyemarakkan dan menguar-uarkan hasil penyelidikan tempatan dan dalam masa yang sama mengetengahkan kejayaan penyelidik dalam negara untuk tatapan masyarakat.

Tanpa menafikan peranan media cetak lain dalam membantu menyemarakkan bidang sains dan teknologi, kesungguhan akhbar dalam mempromosi bidang sains diakui, malah sentiasa mendapat sokongan sama ada industri, penyelidikan, saintis dan juga masyarakat.

Majalah *estidotmy* semasa hayatnya satu ketika dulu begitu ditunggu-tunggu pada hari Rabu pertama setiap bulan, diterbitkan dengan kerjasama dan pembiayaan sepenuhnya oleh MOSTI, membuktikan akhbar ini komited dengan pembudayaan sains dan teknologi serta inovasi.

Sering dilabel sebagai akhbar yang tidak bebas dan cenderung kepada kerajaan juga tidak mematahkan semangat Utusan untuk meletakkan kepentingan pendidikan dan sains sebagai satu keutamaan dan terbukti usaha tersebut diberi pengiktirafan.

Masakan tidak, pemilihan Utu-

san sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Industri (Kategori Media Cetak) pada majlis Malam Penghargaan Bio 2015 sempena Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asean 2015 anjuran BiotechCorp membuktikan, komitmen akhbar ini tidak perlu dipertikaikan.

Berdasarkan rekod pemantauan pihak ketiga yang menjadi sandaran kepada BiotechCorp untuk membuat penilaian, nyata Utusanungguli daripada segi jumlah liputan berkaitan bioteknologi dan juga agensi terbabit.

Bermula awal tahun sehingga kini sebanyak 34 artikel disiarkan akhbar ini berkaitan bioteknologi dan BiotechCorp berbanding tempat kedua sebanyak 23 daripada akhbar saingan bagi kategori bahasa Melayu.

Malah jika dikumpulkan daripada semua media cetak dan elektronik, Utusan masih kekal di tempat pertama daripada segi jumlah artikel terbanyak setakat ini.

Sebagai rekod, Utusan muncul salah satu daripada 29 penerima anugerah secara keseluruhannya berdasarkan kecemerlangan dalam kategori masing-masing.

Tubuh pusat amaran tsunami di ASEAN

Oleh SHEILA RANI CHANDRASEKARAN

penigarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 OGOS

PUSAT amaran tsunami yang lebih komprehensif perlu ditubuhkan di peringkat ASEAN susulan beberapa kejadian bencana alam menimpa rantau ini sehingga menyebabkan kemusnahan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, perkara itu amat penting dan harus dilaksanakan bagi memantau aktiviti dan mengelak kesan-kesan seperti kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa yang berpunca daripada kejadian bencana alam itu.

"Pusat yang lebih komprehensif amat perlu berikutan beberapa insiden antaranya kemusnahan teruk akibat bencana alam di Aceh, Sumatera pada 26 Disember 2004 memandangkan rantau ini dikelilingi lingkungan gunung berapi.

"Malah, kejadian gempa bumi turut melanda Gunung Kinabalu, Sabah pada 5 Jun lalu yang dilihat paling buruk di negara ini mewajarkan langkah awal diperlukan untuk memantau aktiviti gempa bumi dan mengelak kemalangan jiwa pada masa akan datang," katanya dalam majlis perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Meteorologi dan Geofizik (SCMG) ke-37, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail.

Madius berkata, peranan SCMG kini menjadi semakin penting setelah negara-negara ASEAN menyaksikan peningkatan kejadian cuaca melampau sejak beberapa tahun kebelakangan ini.



MADIUS TANGAU

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 26 OGOS 2015 (RABU)

MetMalaysia bangunkan aplikasi peta gegaran gempa bumi

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sedang membangunkan aplikasi peta gegaran (*shake map*) bagi meningkatkan keupayaan dan keberkesanan pengumpulan maklumat gempa bumi yang berlaku di negara ini. Aplikasi tersebut dijangka

akan berfungsi dan beroperasi sepenuhnya pada penghujung tahun ini.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar**) berkata, pembangunan aplikasi tersebut di buat dengan bantuan nasihat



kepakaran daripada Pentadbiran Gempa Bumi China (CEA) dan Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

Menurutnya, fungsi aplikasi tersebut ialah menunjukkan kekuatan

dan gegaran di sekitar kawasan yang

berlaku gempa bumi dalam satu peta khas.

"*Shake map* hanya membantu dari aspek mengenal pasti lokasi gempa setelah maklumat pautan yang diterima disambungkan kepada aplikasi ini," katanya pada sidang media selepas majlis pembukaan

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ASEAN Ke-37 Mengenai Meteorologi dan Geofizik di sini semalam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 20
TARIKH : 26 OGOS 2015 (RABU)

Shakemap dijangka beroperasi akhir tahun ini

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Aplikasi peta gegaran yang dikenali sebagai *shakemap* untuk meningkatkan lagi keberkesanan maklumat gempa bumi yang berlaku dalam negara, dijangka mula beroperasi pada akhir tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata, aplikasi berkenaan dibangunkan dengan bantuan nasihat dan kepakaran Pusat Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS) dan Pentadbiran Gempa Bumi China (CEA).

Katanya, pembangunan aplikasi itu dilaksanakan susulan kejadian gempa bumi yang melanda Ranau, Sabah pada Jun lalu.

"Aplikasi itu membantu mengesan gegaran gempa dan memberi maklumat terperinci mengenai kejadian itu seperti masa, tarikh, lokasi dan kategori.

"Bagi Malaysia, *shakemap* memang baharu tetapi beberapa negara lain yang kerap mengalami gempa bumi seperti China, Jepun dan Amerika Syarikat (AS) sudah lama menggunakan aplikasi itu," katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ASEAN ke-37 mengenai Meteorologi dan Geofizik, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

Dalam pada itu, Che Gayah berkata, kerajaan bersetuju untuk menambah 15 lagi stesen seismik di Sabah dengan lima daripadanya dipasang di kawasan Gunung Kinabalu.

Katanya, kesemua stesen seismik itu akan dipasang pada tahun hadapan.

Menurutnya, stesen seismik yang dipasang pada permukaan bumi mampu mengesan dan mengira magnitud sebarang gangguan akibat gempa bumi.

"Pada masa ini, kita mempunyai 44 stesen seismik sedia ada di seluruh negara dan hujung tahun ini juga akan ada tambahan 20 lagi stesen seismik.

"Kos perbelanjaan untuk membangunkan setiap stesen seismik adalah kira-kira RM100,000 yang antaranya merangkumi bangunan, infrastruktur dan peralatannya," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai perkembangan Sistem Ramalan Cuaca Numerik, Che Gayah berkata, penambahbaikan sistem itu masih berjalan dan dijangka projek itu akan siap sebelum Oktober tahun depan.

"Kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM68 juta bagi menambah baik sistem berkenaan. Jadi, kami berharap dengan adanya sistem itu, ketepatan mengira taburan hujan dapat ditingkatkan daripada tempoh tiga hari kepada tujuh hari," katanya.

Jerebu di Sarawak dijangka pulih akhir September ini

KUALA LUMPUR - Cuaca berjerebu yang sedang melanda Sarawak dijangka pulih pada akhir September ini, kata Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail.

Beliau berkata, antara faktor yang menyumbang kepada jerebu di negeri itu ialah musim monsun yang membawa cuaca panas

dan kering yang diramalkan berlanjutan hingga September; pembakaran terbuka serta jerebu merentas sempadan dari negara jiran berpunca daripada pembakaran terbuka.



CHE GAYAH

“Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya mengurangkan aktiviti di luar rumah, memakai penutup mulut dan minum banyak air berikutan

tahap udara tidak sihat yang melanda negeri Sarawak sekarang,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum ini, beberapa kawasan di negeri Sarawak mencatatkan tahap udara tidak sihat, antaranya ialah Sri Aman dan Samarahan masing-masing mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) 118, manakala Kuching mencatatkan IPU 110.

Bacaan IPU antara 0 dan

50 dikategori sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat), dan 300 ke atas (bahaya).

Mengulas lanjut, Che Gayah menjelaskan, keadaan jerebu di Sarawak hanya akan pulih sepenuhnya sekiranya negeri berkenaan menerima taburan hujan yang banyak dan tidak berlaku lagi sebarang pembakaran terbuka termasuk di negara jiran.



Jerebu Di Sarawak Dijangka Pulih Akhir September - KP MetMalaysia

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Cuaca berjerebu yang sedang melanda Sarawak dijangka pulih pada akhir September ini, kata **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail**.

Beliau berkata antara faktor yang menyumbang kepada jerebu di negeri itu ialah musim monsun yang membawa cuaca panas dan kering, yang diramalkan berlanjutan hingga September; pembakaran terbuka serta jerebu merentas sempadan dari negara jiran berpunca daripada pembakaran terbuka.

"Sehubungan itu, orang ramai dinasihat mengurangkan aktiviti di luar rumah, memakai penutup mulut dan minum banyak air berikutan tahap udara tidak sihat yang melanda negeri Sarawak sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Meteorologi dan Geofizik ke-37 yang akan berlangsung selama tiga hari, mulai Selasa, di sini.

Turut hadir **Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Noorul Ainul Mohd Nur** yang mewakili Menteri MOSTI Datuk Madius Tangau.

Bernama pada Isnin melaporkan beberapa kawasan di Sarawak mencatatkan tahap udara tidak sihat, antaranya ialah Sri Aman dan Samarahan masing-masing mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) 118, manakala Kuching mencatatkan IPU 110.

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategori sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat), dan 300 ke atas (bahaya).

Mengulas lanjut, Che Gayah berkata keadaan jerebu di Sarawak hanya akan pulih sepenuhnya sekiranya negeri itu menerima taburan hujan yang banyak dan tidak berlaku lagi sebarang pembakaran terbuka termasuk di negara jiran.

Justeru, beliau meminta orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dengan segera jika ada pihak melakukan perbuatan tersebut.

Dalam pada itu, Che Gayah berkata MetMalaysia merancang untuk menggunakan sistem 'ShakeMap' menjelang akhir tahun ini untuk memberi maklumat terperinci mengenai kejadian gempa bumi seperti masa, tarikh, lokasi dan kategori gempa bumi tersebut (penarafan dari tahap rendah sehingga bahaya).

Beliau berkata 'ShakeMap' telah diguna pakai oleh Kajian Geologi Amerika Syarikat dan sistem itu amat penting untuk tujuan penyelidikan serta perancangan menghadapi bencana pada masa depan.

Sementara itu, Noorul Ainul berkata, pusat amaran tsunami komprehensif perlu ditubuhkan di ASEAN berikutan kemusnahan dahsyat akibat bencana alam itu di Aceh, Sumatera pada 26 Disember 2004 memandangkan rantau ini dikelilingi lingkaran gunung berapi

Selain tsunami, gempa bumi turut melanda Gunung Kinabalu, Sabah pada 5 Jun tahun ini, iaitu paling buruk di Malaysia, mewajarkan langkah awal diperlukan untuk memantau aktiviti kegiatan gempa bumi dan mengelak kemalangan jiwa pada masa akan datang, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 30 TARIKH: 26 OGOS 2015 (RABU)

Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kadaan jerebu yang berlaku di negara ini dijangka berterusan sehingga pertengahan minggu depan berdasarkan arah tiupan angin situasi cuaca ketika ini.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca National Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, dalam tempoh itu didapati pergerakan arah angin dari barat daya yang akan melalui Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

"Dijangka tiada hujan di Kalimantan serta Sumatera dan menyukarkan pemadaman kebakaran sekali gus ia akan meningkatkan titik panas di kawasan itu.

"Berdasarkan situasi cuaca sekarang arah tiupan angin dari Barat Daya akan melalui Sumatera dan Kalimantan dan menuju ke Malaysia yang akan membawa asap kebakaran dari dua kawasan itu," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, Pantai Barat Semenanjung, khususnya Lembah Klang bakal berdepan jerebu serius termasuk Sarawak pada masa terbahit.

"Pencerapan JMM sehingga jam 3 petang mendapati jarak ketampakan di antara dua hingga empat kilometer (km) yang meliputi hampir keseluruhan kawasan Pantai Barat Semenanjung.

"Cerapan itu juga mendapati

kawasan Lembah Klang dan Kuching, Sarawak berdepan keadaan jerebu yang serius," katanya.

Berdasarkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) laman Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga jam 6 petang menunjukkan lapan kawasan mencatat status IPU baik, dan 30 didapati IPU sederhana.

Bagaimanapun, terdapat be-

berapa kawasan menunjukkan IPU menghampiri tahap tidak sihat iaitu Kuching, Sarawak (91), Banting (85) dan Pelabuhan Klang (85).

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar melalui kenyataan media memaklumkan terdapat satu titik panas (hotspot) dikesan di Johor sekitar jam 12 tengahari berdasarkan laporan dari ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura.

"Bagaimanapun status kualiti

udara dialami di beberapa kawasan di Sarawak semakin pulih dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana.

"Manakala imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) menunjukkan 192 titik panas dikesan di Sumatera, Indonesia, manakala 22 titik panas di Kalimantan, Indonesia," katanya.

Menurut beliau, Malaysia turut menggesa Indonesia mengambil tindakan segera menangani peningkatan bilangan titik panas dan menggalakkan usaha pemadaman kebakaran.

Titik panas meningkat

■ Keadaan jerebu dijangka berterusan hingga pertengahan minggu depan

KEADAAN jerebu di KLIA ketika gambar dirakamkan pada jam 7 malam.

BACAAN IPU DI BEBERAPA TEMPAT SEMALAM

LOKASI	12 TGH HARI	3 PETANG	6 PETANG	8 MALAM
1. Muar, Johor	83	83	82	83
2. Bandaraya Melaka, Melaka	81	82	81	80
4. Bukit Rambai, Melaka	85	86	84	83
5. Nilai, Negeri Sembilan	80	84	87	86
6. Port Dickson, N Sembilan	81	82	81	80
7. Seremban, N Sembilan	76	79	83	82
8. Tanjung Malim, Perak	35	101	41	36
9. Kuching, Sarawak	90	89	91	95
10. Samarahan, Sarawak	82	83	84	89
11. Banting, Selangor	76	80	85	88
12. Pelabuhan Klang, Selangor	75	80	85	88

0-50 BAIK 51-100 SEDERHANA 101-200 TIDAK SIHAT 201-300 SANGAT TIDAK SIHAT >301 BAHAYA
Sumber: Laporan web resmi Jabatan Alam Sekitar

KEADAAN JEREBU DAN TITIK PANAS SEMALAM



MENARA Berkenbar PETRONAS yang tidak dapat dilihat dengan jelas berikutan keadaan jerebu.

PANGKALAN Sultan Abdul Halim, Butterworth yang berjerebu pada jam 5 petang, semalam.

KL to discuss haze with Jakarta

Wan Junaidi to meet his Indonesian counterpart over smog problem



PETALING JAYA: Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar will be meeting his Indonesian counterpart to tackle the issue of transboundary haze.

Parts of Malaysia, especially in Sarawak, have been affected by pollution from open burning in Indonesia.

He said there had been an increasing number of hotspots in Sumatra and Kalimantan, which led to recurring haze in Sarawak.

In a statement, Dr Wan Junaidi said the meeting would include negotiations to accelerate a memorandum of understanding on a bilateral prevention programme on transboundary haze pollution.

The Department of Environment's (DOE) director-general on Monday had also written to his counterpart in the Indonesian Ministry of Environment and Forestry to express Malaysia's concerns.

Malaysia has urged Indonesia to do more to tackle these fires.

Air quality in Malaysia improved yesterday. The Air Pollutant Index (API), as of noon, recorded good and moderate air quality in all areas, including three divisions in Sarawak, which recorded unhealthy readings the previous day.

However, Dr Wan Junaidi said there was still transboundary haze from West Kalimantan.

Satellite images from the National Oceanic and Atmospheric Administration detected 192 hotspots in Indonesia, including 22 in Kalimantan.

A single hotspot was detected in Johor and the DOE is investigating the cause.

Dr Wan Junaidi urged the public to cooperate with the authorities and to report incidences of open burning to the Fire and Rescue Department by calling 999 and the DOE at 1-800-88-2727 (toll free).

Meanwhile, the air quality has improved in Sarawak following two afternoons of downpour.

However, satellite imagery at 10am yesterday showed the large number of hotspots were in West, Central and East Kalimantan provinces. Data from the Asean Specialist Meteorological Centre showed visible smoke plumes emanating from the hotspots.

The API fell from unhealthy to moderate levels between Monday and Tuesday in the northern area. As at 3pm yesterday, the API in Kuching was 89, with visibility hovering around 2km.

API readings of between 0 and 50 indicate good air quality; 51 and 100 (moderate), 101 and 200 (unhealthy), 201 and 300 (very unhealthy) and over 301 (hazardous).

The state Natural Resources and Environment Board has banned all



Grey skies: Thick haze blanketing the Prime Minister's Office in Putrajaya at 1pm yesterday

open burning activities until a re-evaluation is carried out pending applications for open burning.

Board controller Peter Sawal said there had been "an alarmingly large number of hotspots detected" across the border over the past few days, which caused haze to border towns like Sri Aman, Serian, Bau, as well as Kuching and Samarahan.

The Malaysian Meteorological

Department is forecasting dry mornings and nights with isolated thunderstorms in the afternoons for the next week in Sarawak.

In George Town, the haze has returned, with the department's monitoring station in Bayan Lepas showing a drop in visibility levels from 7km at 8am to 4km at 11am.

The monitoring station in Butterworth also showed a decline

in horizontal visibility, from 6km (8am) to 5km (11am).

A check yesterday found that Komtar and the Raja Tun Uda Ferry Terminal in George Town could not be seen from the Sultan Abdul Halim Ferry Terminal in Butterworth while the view of the Penang Bridge and the Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Bridge was also poor.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 26 OGOS 2015 (RABU)



Ministry to crack down on open burning

Hazy days could be here again, although API readings are still moderate. — Picture by Adib Ramli

PETALING JAYA — Increased penalties and stricter enforcement will be implemented to combat air pollution, said Natural Resources and Environment Minister, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Hazy conditions in Sarawak on Sunday prompted the ministry to issue a press statement stating stern action would be taken under the Environmental Quality Act (EQA) 1974 against those caught open burning.

Those who violate the act could be fined up to RM500,000 or jailed for five years,

**By Jennifer Tham
and Aishah Afandi**
mmnews@mmail.com.my

or both.

Kuching and Samarahan recorded an unhealthy air pollutant index (API) of 120 and 122 respectively over the weekend.

"The haze we experience here is due to the forest fires in Indonesia, especially Sumatera and Kalimantan," said Junaidi.

"The hotspots are close to Sarawak's

border, which worsens the API."

A total of 192 hotspots in Sumatera, 22 in Kalimantan and one in Johor were recorded yesterday.

As of Aug 23, 3,117 open burning cases had been reported with those in agricultural areas having the highest with 1,118.

The ministry had, in February, activated an open burning prevention plan that included aerial surveillance and patrols to identify hotspots.

Junaidi urged the public not to conduct open burning, adding air quality is being closely monitored.

Air quality at three locations in Penang were moderate yesterday.

The API reading from Universiti Sains Malaysia was 47, Perai at 35 and Seberang Jaya 53 at 11am.

At 3pm, the API at the university increased to 62, while the others were unchanged.

The Meteorological Department website recorded visibility in Bayan Lepas and Butterworth at 4km and in Perai at 7km.

When contacted, state environment committee chairman Phee Boon Poh said no statements would be issued, pending investigations.

A potent mix for modern science

INNOVATION:

Scientists are turning to the synergy of nature and religion for new ideas

Science, in a way, helped strengthen one's belief in the power of Allah.



DR AHMAD IBRAHIM

MANY among us, especially those above 50, must still remember the history lessons during our times in school. Those days, we learnt a lot about European history. We will surely not forget the rise and expansion of the Greek and Roman civilisations.

I am sure we can also recollect the tales about their charismatic leaders such as Julius Caesar and wise philosophers like Aristotle. Not to mention arson-crazy Nero, the mad emperor.

However, the part of European history that many among us find disturbing was the period when scientists were ostracised by the Church. In fact, worse than that, some of the scientists were even persecuted. The Church then looked at science as blasphemous.

That was the era in Europe when



The idea of a man-made tree is manifested in Singapore's Gardens by the Bay. Nature offers many ideas on possible new technologies that prove to be more sustainable.

science was viewed with suspicion by religion, particularly Christianity. They then saw science in conflict with their belief.

However, the case was rather different in the Islamic world. There, science and religion were a potent mix. Literally, all the prominent Muslim scientists then were pious and knowledgeable about religious matters. In fact, science was used as

an instrument to better understand the revelations in the Quran.

Science, in a way, helped strengthen one's belief in the power of Allah. Many among the early Muslim scientists dabbled in astronomy and medicine. Maybe they found the two fields intriguing and fascinating. Their works were mostly driven by curiosity, which essentially was the major driver of scientific endeavours

then. As for the Muslim scholars in that era, they wanted to find out for themselves whether their observations would confirm what was already hinted in the Quran.

Things are different now. The Church no longer considers science a threat to religion. In fact, there are those who even believe that the synergy between the two is strong.

→ Continued next page

Nature, religion offer new ideas

→ From Page 16

The Academy of Sciences Malaysia recently hosted a talk by prominent Muslim scholar Professor Dato Dr Osman Bakar, who teaches at University Brunei Darussalam. With a degree in Mathematics, he has studied extensively the philosophy of science and how science relates to religion.

Over the years, he has been actively involved in interfaith dialogues. He was invited to share his thoughts on how philosophy and religion could offer meaningful clues to what the future holds for science. Lately, under the mega-science future studies, the academy has increasingly sought input from social scientists in scenario planning.

And according to Professor Osman, many verses in the Quran provide hints on such possible scenarios. In fact, if we can truly interpret the hidden meanings behind many of the verses; there is much that science can learn and plan for the development of new technologies. *

In fact, on hindsight, scientists have realised that much of the scientific breakthroughs in medicine and engineering were already revealed in the Quran. This explains why many have taken the more proactive route to study the Quran and seek guidance on the future areas for science. For example, it has been revealed that science can learn much from nature. Nature offers many ideas on possible new technologies that prove to be more sustainable.

As a result, we see many scientists from all over the world taking a closer look at nature, hoping to develop new research ideas. In the quest for sustainability, one of the major emphasis is on developing the science and technology to achieve energy efficiency. In designing cars, for example, scientists actively study how fish move effortlessly in the water. This is to better understand how the designs of cars can incorporate features that can reduce friction. And by designing frictionless motion in transport, the improvement in energy usage can be realised.

Another research studies the lives of termites, looking at how they literally air-condition their homes, also hoping for new insulation technology. Such studies, which look at how science can imitate nature, is called biomimicry. In a world that constantly demands innovation and improvement, scientists realise that nature and religion can be useful sources of new ideas. This makes it imperative for mankind to continue to safeguard both.

The writer is a fellow of the Academy of Sciences Malaysia and an adjunct professor of Universiti Malaya